

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
1986/87

RPW 551 - Undang-Undang Perancangan

Tarikh: 9 April 1987 Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan.

1. Bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, memperkenalkan sistem perancangan baru di Semenanjung Malaysia, iaitu sistem Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

(a) Nyatakan langkah-langkah termaktub di dalam Akta yang mana perlu diambil oleh pihak berkuasa perancangan tempatan di dalam penyediaan rancangan struktur dan rancangan tempatan.

(b) Bincangkan kebaikan tentang sistem perancangan baru ini diatas sistem perancangan lama di bawah Bahagian IX Enakmen Lembaga Bandaran.

(50 markah)

2. Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, memperakui kepentingan penyertaan awam di dalam perancangan.

(a) Bagaimakah Akta ini boleh menentukan penyertaan awam di dalam penyediaan rancangan struktur dan rancangan tempatan?

(b) Bincangkan kebaikan dan masalah-masalah proses penyertaan awam dibawah Akta ini.

(50 markah)

3. (a) Tafsir dan terangkan sepenuhnya apakah "pemajuan" sebagaimana dinyatakan di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976.
- (b) Apakah tindakan-tindakan yang harus diambil oleh pihak berkuasa perancang tempatan apabila seseorang menjalankan dan menyiapkan pendirian rumah tanpa kebenaran merancang,
- (i) di kawasan yang tidak dicadangkan untuk perumahan di dalam rancangan tempatan?
- (ii) di kawasan yang dicadangkan untuk perumahan di dalam rancangan tempatan?
- (c) Apakah tindakan-tindakan yang harus diambil oleh pihak berkuasa perancang tempatan sekiranya pendirian tanpa kebenaran merancang ini belum siap lagi?
- (d) Apakah denda-denda di atas pesalah sekiranya kehendak-kehendak pihak berkuasa perancang tempatan tidak dipatuhi di dalam tiap-tiap kes di atas?
- (e) Apakah tindakan-tindakan selanjutnya yang boleh diambil oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk menentukan bahawa kehendak-kehendaknya dipatuhi sepenuhnya?

(50 markah)

4. (a) Apakah kategori-kategori kegunaan tanah yang dinyatakan di bawah Kanun Tanah Negara, 1956, dan apakah syarat-syarat tersirat (implied conditions) keatas setiap kategori kegunaan tanah ini?

- (b) Adakah terdapat percangahan di antara Kanun Tanah Negara, 1956 dan Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976 tentang pengawalan kegunaan tanah? Bincang dan terangkan.

(50 markah)

-ooooooo-

